



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA
MAJLIS AMANAT PENJAWAT AWAM NEGERI MELAKA
TAHUN 2023**

**TARIKH: 16 JANUARI 2023 (ISNIN)
JAM: 8.30 PAGI
BERTEMPAT DI AUDITORIUM SERI NEGERI**

**TEMA
'REKAYASA PERKHIDMATAN DEMI KEBERHASILAN OPTIMA'**

**Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil A'lamin wa bihi Nastain,**

**Dilafazkan semulia-mulia selawat kepada Rasul Junjungan,
Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina
Muhammad,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia,**

**YB Datuk Wira Zaidi bin Johari,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka**

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka;

**YB Datuk Abd Aziz bin Engan,
Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka;**

**YB Datuk Salhah binti Salleh,
Pegawai Kewangan Negeri Melaka;**

**Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;**

**Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Peringkat Negeri dan
Persekutuan;**

**Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin, Dif-dif Kehormat,
rakan-rakan media;**

**Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan, para penjawat awam
yang dikasihi sekalian,**

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Amanat Tahun Baharu 2023** khusus kepada semua penjawat awam Negeri Melaka.
2. Semoga tahun 2023 yang baharu sahaja membuka tirainya, akan memberikan semangat kepada kita semua untuk menggalas amanah dan tanggungjawab dengan lebih berdedikasi dalam usaha memberi khidmat terbaik kepada seluruh rakyat Negeri Melaka.
3. Sesungguhnya, majlis pertemuan ini sungguh bermakna sekali, kerana ia menghubungkan dan merapatkan jalinan ukhuwah di antara pihak Kerajaan serta para penjawat awam, selain program ini merupakan satu perhimpunan yang paling besar lagi terpenting bagi Perkhidmatan Awam di negeri ini.
4. Masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada seluruh Penjawat Awam Negeri Melaka yang bersama-sama dengan saya sama ada di dalam Auditorium Seri Negeri ini mahupun yang menyaksikan majlis ini secara dalam talian.
5. Pelbagai catatan peristiwa telah kita sama-sama tempuhi sepanjang tahun 2022...dengan izin-Nya kita dapat melalui semua cabaran tersebut. **Alhamdulillah.**
6. Di kesempatan ini juga, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada warga seluruh penjawat awam di Negeri Melaka, di bawah pimpinan YB Datuk Wira Zaidi bin Johari selaku Setiausaha Kerajaan Negeri, mewakili seramai **40,156** orang kakitangan Kerajaan Negeri Melaka yang telah

memberikan sepenuh komitmen sehingga kita berjaya mencapai **95 peratus** daripada 26 Inisiatif Aku Janji Satu Tahun Pentadbiran Kerajaan Negeri bagi tahun 2022. Harapan saya agar momentum kecemerlangan tersebut diterus dan ditingkatkan lagi bagi tahun 2023.

7. Tahun ini merupakan tahun penuh dengan cabaran, ketidaktentuan ekonomi dunia bakal dirasai oleh negara. Bagi mendepani cabaran, kita perlu memiliki ketahanan dan berupaya mengolah perkhidmatan yang berkesan terutamanya kepada rakyat demi mencapai hasil yang terbaik.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

KERAJAAN PERPADUAN

8. Pada tanggal 16 Disember 2022, lima gabungan parti mencipta sejarah apabila menandatangani perjanjian persefahaman untuk membentuk Kerajaan Gabungan yang dikenali sebagai Kerajaan Perpaduan Malaysia.
9. **Kerajaan Perpaduan** merupakan satu kerajaan yang menggabungkan wakil daripada pelbagai politik menuntut parti dan semua pemimpin untuk mengenyepikan kepentingan politik dan parti masing-masing demi kepentingan rakyat dan negara.
10. Ia ditubuhkan atas titah nasihat Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ekoran negara mengalami situasi Parlimen tergantung.
11. Semua pihak perlu mengambil perhatian akan saranan Majlis Raja-Raja Melayu agar kerajaan baharu menyemai **“semangat kebersamaan”** dalam kalangan rakyat Malaysia dan turut melaksanakan lafaz ikrar Rukun Negara dalam

semua majlis bagi meningkatkan semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan rakyat.

12. Semua rakyat perlu melupakan sengketa politik selepas PRU15 dan menumpukan kepada perpaduan untuk bersama dengan kerajaan bagi memulihkan negara. Tanpa perpaduan, negara tidak akan mencapai kestabilan yang mutlak, kemajuan dan keamanan yang berterusan.
13. **Kerajaan Perpaduan** merupakan wasilah yang mampu menjernihkan kesemua kehendak tuntutan rakyat kerana asas utama Kerajaan Perpaduan ialah semua dasar kerajaan perlu diputuskan secara permuafakatan.
14. Demi mendokong Kerajaan Perpaduan, para penjawat awam harus pantas mengadaptasi perubahan kepimpinan Kerajaan Persekutuan dan corak pentadbiran baharu.
15. Saya menyeru agar setiap penjawat awam harus faham akan prinsip dan inti pati yang digariskan mengikut lunas-lunas perlembagaan terutamanya dalam memastikan sistem pemerintahan negara terus utuh berdasarkan prinsip demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.
16. Umum mengetahui, corak pentadbiran di peringkat Persekutuan mahupun di Negeri Melaka telah berubah selepas Pilihan Raya Umum ke-15. Pada pengamatan saya, perubahan ini adalah satu titik permulaan kepada sesuatu yang lebih besar dan dapat memberikan kesan yang sangat baik secara umumnya kepada negara, sistem dan rakyat Negeri Melaka khususnya.
17. Kini, kita bergerak sebagai Kerajaan Perpaduan yang mana fokus utamanya adalah mencari titik persamaan demi memastikan kesejahteraan rakyat terjamin dan mengembalikan kegemilangan negara di persada dunia

dalam pelbagai aspek.

18. Berbekalkan pedoman dan mafhum pengertian beberapa petikan ayat suci al-Quran, dalam **surah Al-Baqarah ayat 126, Al-Ankabut ayat 67 dan An-Nisa' ayat 59**, yang antaranya menerangkan tentang keperluan kepada membina sebuah negara yang tenteram dan makmur, sejahtera lagi diberkati Ilahi serta turut menyentuh tentang hal kewajiban mentaati pemimpin bagi mewujudkan disiplin dan ketersusunan, yang berupaya mendatangkan kestabilan kepada sesebuah Kerajaan dan negara.
19. Sebab itulah, kita wajib memberi sepenuh ketaatan kepada pemimpin, selagi mana ruang lingkup kepemimpinan itu, masih kekal berada dalam parameter masalah umum dan tidak wujudnya unsur-unsur kezaliman.
20. Kerajaan Perpaduan yang menggabungkan wakil dari pelbagai politik menuntut parti dan semua pemimpin untuk mengenyahkan kepentingan politik dan parti masing-masing demi kepentingan rakyat dan negara sebagai manhaj asas pembinaan sebuah negara bangsa berjaya.
21. Dalam hal ini, sebagai pemimpin dan Ketua Kerajaan Negeri, saya sentiasa bersifat terbuka kepada sebarang pandangan malah bersedia untuk menerima teguran yang membina. Namun begitu, adalah tidak wajar sama sekali, jika teguran tersebut disulami dengan fitnah, cacian atau tohmahan jahat yang boleh menjatuhkan maruah dan mengaibkan, dengan bertujuan untuk merosakkan nama baik seseorang pemimpin.
22. Lalu demikian, saya menyeru agar semua pihak melupakan sengketa politik selepas PRU15 dan menumpukan kepada perpaduan untuk bersama dengan kerajaan bagi memulihkan negara. Tanpa perpaduan, negara tidak akan

mencapai kestabilan yang mutlak, kemajuan dan keamanan yang berterusan.

23. Justeru, saya mengharapkan agar penjawat awam Negeri Melaka juga terus memberikan komitmen yang tinggi untuk memberikan perkhidmatan secara profesional dan bersikap neutral demi kepentingan serta kemakmuran negeri khususnya dan negara amnya.

Saudara dan saudari para penjawat awam yang dihormati,

MENYINGKAP KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN 2022

24. Secara peribadi, saya sangat berpuas hati dan bangga dengan usaha bersungguh-sungguh daripada jabatan dan agensi sehingga kita merekodkan pencapaian **95 peratus** sasaran Inisiatif Aku Janji Satu Tahun Pentadbiran Kerajaan Negeri.
25. Tahniah kepada semua penjawat awam Negeri Melaka yang bertungkus lumus dan memberi khidmat terbaik. **Marilah beri tepukan paling gemuruh buat saudara-saudari penjawat awam Melaka!**
26. Saya percaya, kejayaan ini dapat dicapai dengan adanya organisasi yang cekap dan ianya terbukti apabila jabatan dan agensi kita mendapat pelbagai pengiktirafan '**best practices**' dari dalam dan luar negara.
27. Kepada semua keempat-empat Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Majlis Perbandaran Jasin dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, jabatan-jabatan negeri dan persekutuan di Negeri Melaka, Badan Berkanun Negeri dan anak-anak syarikat, tingkatkan budaya kecemerlangan tersebut dan saya berharap agar kita semua terus melakar kejayaan demi kejayaan dengan memperoleh lebih banyak

penganugerahan serta pengiktirafan di tahun 2023 ini.

Para hadirin penjawat awam yang dihormati,

28. Rasulullah SAW bersabda: **“Sesungguhnya Allah SWT sangat suka (bahkan cinta) jika seseorang daripada kamu, apabila melakukan kerja, maka dia bekerja dengan tekun”**.
29. Sikap tekun inilah yang menjadi **‘success factor’** bagi Perkhidmatan Awam Negeri Melaka. Oleh itu, tanam dan suburkan dalam diri saudara saudari untuk sentiasa tekun dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.
30. Penjawat awam perlu sentiasa proaktif dan lebih kreatif dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada golongan sasaran kerana saban hari jangkaan dari pemegang taruh semakin meningkat.
31. Bertitik tolak daripada tiga agenda utama dalam Bajet 2023 Negeri Melaka iaitu **Mensejahtera Sosio-ekonomi Rakyat, Memulih Menuju Kemampanan Ekonomi** dan **Mempercepat Perkhidmatan Awam**, Inisiatif Bajet 2023 dicerakinkan kepada **11 fokus utama** selari dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ2035).
32. Suka untuk saya ingatkan bahawa, Bajet 2023 yang telah dibentangkan bukanlah janji kosong semata-mata yang dikarang di atas helaian kertas tetapi ia mencerminkan komitmen Pentadbiran Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu-isu yang sangat dekat dengan rakyat Negeri Melaka. Atas prinsip **‘No one is left behind’**, ia dirangka dengan tidak meminggirkan mana-mana pihak khususnya rakyat, pelabur, pemain industri, hatta penjawat awam negeri sekali pun.

33. Di sini, saya menyeru seluruh penjawat awam negeri untuk bersama-sama menggembleng tenaga dan sumber sedia ada bagi memastikan inti pati Bajet 2023 dapat dijayakan dan dinikmati oleh semua golongan sasaran.
34. Bajet 2023 telah pun dibentangkan dengan sasaran kutipan **hasil** tahun **2023** berjumlah **455.27 juta ringgit**. Inisiatif terperinci telah pun dibincangkan bersama jabatan dan agensi mengikut fungsi teras masing-masing.
35. Semua jabatan dan agensi di Pentadbiran Kerajaan Negeri telah merangka dan membangunkan KPI masing-masing. Saya dimaklumkan KPI setiap ketua jabatan akan dibentangkan kepada YB SUK pada pertengahan Januari ini, saya harap KPI yang dirancang hendaklah diselarakan dengan kerangka PSMJ 2035 dan Bajet 2023.
36. PSMJ 2035 merupakan panduan utama di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka di mana semua jabatan dan agensi perlu menjadikan PSMJ 2035 sebagai kayu ukur memantau pencapaian prestasi perkhidmatan masing-masing. Sehubungan itu, pencapaian setiap inisiatif strategik dalam Pelan tersebut hendaklah dipantau secara berterusan bagi mengukur kualiti dan kuantiti pencapaian perkhidmatan jabatan dan agensi.
37. Pelaksanaan setiap perancangan jabatan dan agensi harus dipantau prestasinya pada awal tahun 2023. Ketua-ketua Jabatan harus memantau prestasi tugas individu mahupun prestasi keseluruhan jabatan bertujuan untuk memastikan kita dapat bergerak seiring dan memastikan jabatan berada pada landasan yang tepat. **'Lead by example'** adalah sifat yang seharusnya sentiasa disemat dalam diri tuan puan semua.

Saudara dan saudari, penjawat awam sekalian,

TEMA PENJAWAT AWAM NEGERI MELAKA TAHUN 2023 -

'REKAYASA PERKHIDMATAN DEMI KEBERHASILAN OPTIMA'

38. Fokus utama Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2023 adalah **penyelesaian isu-isu demi mencapai matlamat dan hasil yang memberangsangkan**. Penjawat awam yang merupakan tonggak dan pendokong dalam melaksanakan setiap tugas dan tanggungjawab perlu peka agar setiap matlamat dan inisiatif dapat dilaksanakan dengan efisien.
39. Sebagai penjawat awam, *expectation* rakyat adalah cukup tinggi. Dalam memastikan penjawat awam sentiasa berada pada tahap yang cemerlang, maka **rekayasa perkhidmatan awam** wajar diterapkan dalam memastikan penyelesaian isu-isu dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera seterusnya mencapai setiap matlamat, serta memenuhi keperluan dan perkhidmatan kepada rakyat keseluruhannya.

MEMPERTINGKAT KECEKAPAN TADBIR URUS ATAU TATAKELOLA

40. Soal kecekapan urus tadbir perlu sentiasa tersemat rapi pada jiwa setiap penjawat awam dengan harapan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat atau ***citizen oriented***. Setiap jentera pentadbiran sama ada peringkat jabatan, agensi-agensi sehinggalah ke peringkat JPKK mahupun Tok Sidang perlu terlatih dengan memiliki kebolehan dalam mengemudi sistem penyampaian dan **paling penting melunaskan isu-isu dan permasalahan rakyat**.

41. Dalam melaksanakan perkhidmatan kepada rakyat, semua jabatan mahupun agensi Kerajaan Negeri Melaka perlu bekerjasama dan mewujudkan sinergi terutamanya perkongsian maklumat dan sumber secara berterusan terutamanya dalam menyelesaikan sesuatu isu sekali gus **meningkatkan imej dan mutu perkhidmatan di mata rakyat.**
42. Sesi libat urus dengan masyarakat dan orang awam juga perlu diadakan secara berterusan bagi memastikan jabatan-jabatan mahupun agensi kerajaan negeri memperoleh maklum balas yang tepat daripada masyarakat tentang keberkesanan pelaksanaan dasar dan fungsi dalam usaha menambah baik perkhidmatan awam dari semasa ke semasa.
43. Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, saya ingin menekankan bahawa tumpuan yang serius atau **rekayasa perkhidmatan awam** perlu ada pada setiap penjawat awam. Gunakan kebolehan dalam mengolah kreativiti di tempat bekerja. Di samping itu, **harus berani untuk menzahirkan sebarang inovasi dalam tugas.**
44. Dalam memastikan pembangunan kapasiti warga penjawat awam di Negeri Melaka, saya yakin dan percaya bahawa semua kita memiliki kemahiran dan ilmu teknologi maklumat. Segala aset, perkakas mahupun gajet berada di hujung jari, oleh itu, saya mahukan perkhidmatan mahupun sistem penyampaian kepada setiap lapisan masyarakat dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan jika dibandingkan dengan zaman dahulu yang masih menggunakan sistem manual.
45. **Rekayasa perkhidmatan awam** ini saya mahukan setiap jabatan mahupun agensi kerajaan negeri meneroka dan memanfaatkan penumpuan dan keterkaitan teknologi (*Technology Connectivity and Convergence*) dalam

mewujudkan organisasi yang dinamik dan fleksibel. Ini termasuk penggunaan konsep “*Internet of Things*” (IoT). Mengkaji dan melaksana semua proses dan prosedur sedia ada melalui “*Business Process Reengineering*” demi mengurangkan karenah birokrasi dan memudahkan penyampaian perkhidmatan kepada segenap lapisan masyarakat.

46. Perkhidmatan pada hari ini bukan lagi berorientasikan pelanggan tetapi ia bersifat ‘***citizen oriented***’ yang bermaksud perkhidmatan menjurus kepada rangkuman **seluruh rakyat**. Soal ***inclusiveness*** dan keterangkuman inilah saya nak setiap penjawat awam faham dan hayati bahawa setiap apa yang kita tawarkan perkhidmatan, bermaksud kita sebenarnya menyantuni rakyat.
47. Dalam ‘***citizen oriented***, setiap penyampaian mahupun parameter perkhidmatan yang diberikan kepada setiap rakyat adalah menjadi keutamaan. Penjawat awam perlu memahami aspek keterangkuman atau *inclusiveness* dengan menyediakan perkhidmatan terbaik kepada seluruh rakyat dan menyantuni setiap isu dengan berkesan.
48. **Saya tidak mahu masyarakat atau rakyat masih beranggapan bahawa jabatan kerajaan mahupun agensi kerajaan ini lambat bertindak, kena tunggu lama....stigma dan persepsi ini perlu diubah. Saya mahu penyelesaian perkhidmatan mahupun penyelesaian aduan disegerakan, kalau boleh selesai pada hari yang berkenaan.**
49. Tahun ini merupakan **tahun menyelesaikan isu seterusnya mengukur kecapaian**, mana-mana agensi yang masih belum menunjukkan prestasi memuaskan akan diwajibkan untuk mengikuti kursus-kursus tadbir urus, tatakelola berkesan. **Saya dah arahkan YB SUK untuk membina sebuah dewan**

serbaguna di JKMM untuk tujuan latihan mahupun perhimpunan bulanan di masa akan datang.

INOVASI DALAM PERKHIDMATAN

50. Tahun lepas, pelbagai strategi serta inisiatif telah berjaya dilaksanakan di bawah teras kecekapan tadbir urus, antaranya Kerajaan Negeri telah meluluskan dasar bagi cadangan semula Melaka Land Rules (MLR) 1966) Tahun 2022 berkaitan pindaan bagi memudahkan urus niaga tanah, penyeragaman Undang-Undang Kecil (UUK) sedia ada di Pihak Berkuasa Tempatan bagi memudahkan urusan permohonan lesen perniagaan, menambah perkhidmatan *End to End* dan sebagainya.
51. Dalam **rekayasa perkhidmatan awam**, setiap penjawat awam harus berupaya melakukan inovasi dalam perkhidmatan. Inovasi tidak semestinya semata-mata mencipta produk baharu atau peraturan baharu, sebaliknya inovasi mungkin menambah baik peraturan lama, yang sepatutnya sudah ketinggalan zaman tetapi masih dilaksanakan. **Dalam menyantuni urusan bersama dengan rakyat terutama di kaunter-kaunter perkhidmatan agar penyelesaian aduan dan isu-isu dalam kalangan rakyat dapat ditangani dengan tuntas.**
52. Tahun ini, saya berharap jabatan-jabatan dapat menambah baik sistem perkhidmatan sedia ada terutamanya yang telah lapuk. Mudah dan ringkaskan borang-borang permohonan, singkatkan masa urusan di kaunter dan perbanyakkan perkhidmatan di atas talian.
53. Santuni setiap aduan dan tindakan sewajarnya, bantulah sedaya upaya kita. Jika aduan tersebut melibatkan jabatan atau agensi lain, bantulah sehingga dapatkan pegawai yang boleh dihubungi.

54. **Saya dapat maklumat terdapat agensi-agensi yang cukup lambat bertindak, kurang responsif kepada isu-isu aduan rakyat. Bukan lagi kita buat kerja ikut kehendak kita tetapi juga perlu beri perhatian kepada keperluan sebenar yang dituntut oleh rakyat...jangan syok sendiri.**
55. **Saya terpanggil untuk berkongsi satu aduan rakyat, hamba Allah ini dah buat aduan dari tahun lepas tapi tindakan yang diambil masih tergantung sampai hari ini, masih belum selesai...dia hantar aduan setiap minggu kepada saya.**
56. **Saya nak ingatkan berkaitan aduan berulang ke Pejabat Tanah dan Galian/Pejabat Daerah Melaka Tengah (PDMT). Pihak-pihak yang berkaitan diberikan masa 1 minggu untuk selesaikan aduan ini. Saya beri amaran terakhir dan ingatan agar perkara ini tidak berlaku di masa-masa akan datang, rekod-rekod saya simpan,so be prepared.**

Saudara dan Saudari, penjawat awam yang dihormati,

BUDAYA KERJA PROFESIONAL DAN BERINTEGRITI TINGGI

57. Para penjawat awam perlu tunjukkan sikap profesionalisme yang tinggi, berdisiplin dan sentiasa memikirkan perkhidmatan terbaik kepada orang awam. Penjawat awam perlu berfikir secara kreatif dan inovatif bagi menambah baik proses kerja sedia ada dalam memberi penyampaian perkhidmatan yang efisien serta efektif, pada masa yang sama perlu sentiasa mendukung prinsip integriti dan ketelusan dalam setiap perkara kerja dan tidak membelakangkan kepentingan organisasi.

58. Aspek integriti juga amat penting dalam menjamin penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Patuhilah prosedur dan peraturan yang ditetapkan dalam melaksanakan tugas seharian. **Saya mahu semua ketua-ketua jabatan memastikan tahap integriti yang tinggi dalam kalangan kakitangan supaya amalan rasuah dan salah guna kuasa dapat dibendung sepenuhnya.**
59. Justeru, sekali lagi saya tegaskan kepada ketua-ketua jabatan, pastikan sistem penyampaian dan penyelesaian isu-isu rakyat adalah berkesan dan program-program yang dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada rakyat. **Soal tugas, perlu disiapkan mengikut jadual, tiada kompromi.**
60. **Tahun ini saya akan laksanakan *walkabout* bagi melihat pelaksanaan di mana-mana jabatan mahupun agensi, sebahagian masa saya akan berada di luar bagi meninjau kemajuan projek-projek mahupun program-program.**

DIGITALISASI DAN E-KERAJAAN

61. Kita sedia akur dalam Industri 4.0 merangkumi pelbagai teknologi baharu seperti automasi, ***Internet of Things (IoT)***, analisis data besar, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik, kecerdasan buatan (***artificial Intelligence***) dan pengkomputeran awan (***cloud computing***) bagi merencanakan kemajuan landskap dunia moden.
62. Dalam konteks ini, peranan **MELDiC** iaitu Majlis Digital Negeri Melaka yang ditubuhkan bagi menyelaraskan perancangan pelbagai inisiatif berkaitan ICT di Negeri Melaka amat penting bagi meningkatkan bilangan perkhidmatan ***End to End (E2E)*** yang bersifat secara digital dan mesra pengguna. Semua ketua jabatan dan agensi harus menambah baik serta menaik taraf kualiti perkhidmatan sedia ada ke arah perkhidmatan ***Digital Government***.

63. Pewujudan kerajaan eletronik ini boleh mempercepatkan sesuatu proses dengan hasil yang lebih berkualiti, mengurangkan kos dan masa serta meringankan bebanan tugas kakitangan serta meningkatkan kutipan hasil kerajaan, menekankan kepada peningkatan keberkesanan dan produktiviti perkhidmatan awam melalui multimedia dan teknologi.
64. Kita sudah bangunkan *Blueprint* Melaka Pintar 2035, ini kita tengah siapkan Pelan Pembangunan Dataraya (PPDR) 2035, kesemua ini akan memandu Negeri Melaka ke arah era digitalisasi, e-kerajaan bermaksud kesemua proses perkhidmatan akan bersifat digital.
65. Saya sarankan agar semua penjawat awam bersedia untuk belajar mahupun dilatih dalam bidang kemahiran digital dan pengurusan data agar perkongsian maklumat dapat disalurkan dengan lebih efektif di antara jabatan mahupun agensi. **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sila pantau dan ambil tindakan sewajarnya.**
66. Satu perkara yang saya rasa penting untuk kita sama-sama ambil iktibar, walaupun kita berada dalam era milenia baru, dengan adanya inovasi pelbagai gajet dan capaian 5G, jangan kita sekali-kali lupa ada di antara ahli masyarakat yang tidak berupaya untuk akses kepada kemudahan yang disediakan.
67. Oleh hal demikian, **saya tidak mahu dengan segala prasarana dan kemudahan digital ini, dijadikan alasan kita pula merumitkan keadaan dan menyusahkan rakyat.**
68. Contohnya; ada golongan dalam masyarakat kita yang tidak biasa dengan pembayaran tanpa tunai. **Maka hুলurkan tangan dan bantu mereka agar nikmat kemudahan dapat dikecapi dan dirasakan oleh mereka yang memerlukan. Saya**

tidak mahu ada sebarang aduan berkaitan perkara ini berlaku, termasuk agensi Kerajaan Persekutuan.

PENYAMPAIAN MAKLUMAT TEPAT DAN CAKNA PERSEKITARAN

69. Penjawat awam sebagai agen penyebar maklumat perlu peka dengan sebarang perubahan berkaitan segala usaha baik yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri.
70. Bagi memastikan sistem penyaluran maklumat dapat disampaikan dengan berkesan kepada masyarakat awam, maka **saya tegaskan bahawa Bahagian Komunikasi Korporat perlu memainkan peranan yang cukup proaktif dalam memberikan maklumat yang benar dan tepat serta menepis segala bentuk tuduhan, tohmahan dan penyebaran berita-berita palsu.**
71. Sebagai penjawat awam, kita semua perlu peka dan cakna dengan isu-isu di sekeliling dan responsif dengan sebarang aduan rakyat.
72. Saya faham ada isu-isu kebersihan yang masih belum diselesaikan, isu kemudahan dan prasarana, isu keselamatan yang dibangkitkan oleh rakyat setempat. Contohnya kes Rohingya, pihak yang bertanggungjawab perlu ambil tindakan yang sewajarnya. Isu ini masih berbangkit dalam sidang DUN yang lepas.
73. Soal tindakan kepada aduan daripada rakyat ini perlu diambil perhatian yang serius. **Seandainya semua penjawat awam peka dengan permasalahan yang berlaku di sekeliling dan melaporkan kepada pihak berwajib, ia sedikit sebanyak telah mengurangkan masalah aduan sebab kita juga merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat.**

74. Peranan setiap penjawat awam perlu cakna dan peka kepada apa-apa penyaluran maklumat untuk membantu setiap agensi. **Umpamanya; kalau nampak paip bocor, segera laporkan kepada SAMB. Kalau nampak jalan berlubang, segera laporkan kepada PBT yang berkaitan. Mana-mana agensi pula perlu berlapang dada menerima laporan tersebut kerana ini memudahkan agensi mengenal pasti lokasi berlakunya kerosakan dengan cepat.** Sekiranya setiap kita sebagai penjawat awam boleh praktikkan sikap cakna dan peka, insha-Allah saya percaya dan yakin seluruh agensi Negeri Melaka boleh selesaikan masalah rakyat dengan cepat dan berkesan.
75. Satu lagi isu yang saya rasa penting untuk dikongsi bersama. Isu pembesaran Loji Rawatan Air (LRA) Merlimau yang bakal meningkatkan 55 juta liter sehari (MLD) kepada 110 juta liter air sehari. Kapasiti tambahan ini bakal menyalurkan air bersih ke kawasan bandar Melaka Raya sehingga ke Dataran Klebang. Pembinaan tangki-tangki dan pemasangan paip serta kerja naik taraf yang menelan peruntukan hampir 100 juta ringgit telah siap. Namun, pembinaan *Crest Gate Rubber Dam* di Mukasauk Lanchang terpaksa ditangguhkan berikutan isu persempadanan Melaka-Johor masih belum selesai. **Oleh itu, saya nak masalah persempadanan ini dapat diselesaikan dengan kadar segera.**
76. Dalam menyantuni ekonomi rakyat, semua PBT juga perlu cakna dengan isu-isu yang sering ditimbulkan khususnya oleh para penjaja kecil. Lakukan naik taraf kemudahan dan prasarana di kawasan-kawasan perniagaan mereka agar lebih kondusif dan mesra pelanggan. Bagi permohonan lesen-lesen penjaja, lakukan sedikit **inovatif dan penambahbaikan bagi memudahkan mereka untuk membuat permohonan, jangan terlalu rigid.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

PENGHARGAAN KEPADA PENJAWAT AWAM

77. Pada hemat saya, para penjawat awam bukan sekadar kakitangan Kerajaan semata-mata, malah saudara dan saudari boleh diumpamakan sebagai sahabat dan kawan setia lagi utama kepada pihak Kerajaan. Sebetulnya, para penjawat awam ini sangat dekat di hati saya. Malah, setelah sekian lama saya terlibat dalam politik dan pentadbiran Kerajaan, saya banyak dibantu dan didokong kuat oleh warga penjawat awam.
78. Selaras dengan itu, dalam memperkasa institusi perkhidmatan awam, elemen penting yang tidak boleh dipandang remeh adalah berhubung kebajikan para penjawat awam. Saya berharap dengan pengumuman pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua penjawat awam Persekutuan gred 56 ke bawah di Negeri Melaka dan BKK Tambahan 2022 serta BKK 2023 kepada seluruh penjawat awam Negeri Melaka dapat menyuntik semangat juang berterusan dari semua yang terlibat.
79. Pemberian ini adalah bagi mengiktiraf sumbangan para penjawat awam yang telah bersama-sama dalam menyampai dan melaksanakan dasar Kerajaan Negeri Melaka.
80. Selain itu, sebagaimana yang telah diumumkan oleh **YAB Perdana Menteri dalam ucapan Mini Bajet 2023**, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memberi **Kenaikan Gaji Tambahan Khas berjumlah RM100** kepada pegawai perkhidmatan awam yang layak serta **penambahbaikan Gantian Cuti Rehat** yang boleh dikumpulkan bagi tujuan **Award Wang Tunai daripada 160 hari kepada 180 hari**.

81. Bukan itu sahaja, Kerajaan Negeri juga ada menyediakan peruntukan latihan tahunan kepada penjawat awam Negeri Melaka menghadiri kursus-kursus di dalam dan luar negara.
82. ***‘Think fast & act fast’*** itulah yang saya inginkan daripada seluruh warga kerja perkhidmatan awam Negeri Melaka. Ini adalah masa untuk saudara dan saudari mengambil tindakan dengan kadar segera supaya isu kelewatan tidak timbul yang boleh memberi kesan kepada kelancaran operasi di peringkat jabatan mahupun agensi.

Hadirin dan hadirat para penjawat awam yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

83. Sebagai menyimpulkan segalanya, marilah kita bekerja bersama sebagai satu pasukan yang mantap bagi menjayakan segala inisiatif serta strategi yang telah dirangka untuk mencapai matlamat sebagaimana yang terkandung dalam PSMJ 2035 dan pembentangan Bajet 2023.
84. Tahun 2023 merupakan tahun rekayasa perkhidmatan dalam usaha menyelesaikan isu-isu demi mencapai keberhasilan yang optima, saya amat berharap agar setiap isu dapat disantuni dan diselesaikan dengan baik. Ia menjadi lebih bermakna buat kita semua sekiranya setiap apa yang kita laksanakan mencapai matlamat demi kemaslahatan seluruh rakyat Negeri Melaka.

**Anak watan menggenggam telapak,
Betulkan haluan tarikkan panah;
Rekayasa perkhidmatan beri impak,
Manfaatkan keperluan dengan amanah.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.